

DRAF TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS PENGHARGAAN DAN MERAIKAN PIHAK MEDIA
MASSA

11 Disember 2011 (Ahad), 8.00 malam
Hotel Equatorial Melaka

1

(i) Salutasi

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Y.Bhg Dato' Profesor Dr. Mohd Nor Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

.....

Pegawai-pegawai Kanan

Wakil-wakil Pihak Media Massa

2

Warga PPKK, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

(ii) **Kata Aluan**

1. Alhamdulillah saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita berhimpun di malam yang serba indah ini bersempena dengan Majlis Penghargaan & Meraikan Pihak Media.
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua tetamu sekalian yang terdiri daripada pengamal media iaitu pihak media cetak dan media elektronik. Saya yakin bahawa kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian, dapat mengeratkan lagi jalinan

3

hubungan yang terjalin kukuh antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan pihak media semua.

(iii) **Objektif majlis**

3. Seperti yang kita sedia maklum, penganjuran majlis ini sebagai satu usaha simbolik **sanjungan tinggi, penghargaan dan meraikan para pengamal media semua** yang telah memberi kerjasama yang mantap dalam membuat liputan berita-berita kejayaan, peristiwa dan aktiviti-aktiviti semasa UTeM. Tanpa penglibatan dan komitmen yang tinggi oleh pihak media mungkin khabaran semasa dari universiti teknikal pertama di Malaysia ini tidak kesampaian ke khalayak umum di peringkat nasional.

4

4. Penganjuran majlis ini juga merupakan platform ataupun sebagai jambatan penghubung yang lebih mengakrabkan lagi hubungan yang sedia terjalin utuh antara UTeM dan pihak Media Massa.

(iv) **Peranan Pihak Media**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dalam **mengkomunikasikan prestij dan keunggulan UTeM dipersada nasional dan antarabangsa, seharusnya adalah menerusi saluran yang mampu dan sampai kepada pengetahuan populasi masyarakat secara komprehensif dan menyeluruh.** Menyedari hakikat ini semua pihak sedia maklum bahawa medium atau **saluran media adalah yang mampu merealisasikan hasrat murni ini.**

5

6. Hanya dengan **sebatang mata pena mampu memberi impak yang besar dan hebat sehingga boleh menggegarkan seluruh negara malahan seluruh pelusuk dunia.** Itulah diibaratkan betapa **besarnya peranan yang dimainkan oleh para wartawan sekalian. Tidak terkecuali juga peranan besar yang turut disumbangkan oleh jurugambar yang terus merakamkan foto-foto terhebat untuk tatapan semua.**
7. Sepintas lalu, **satu sinergi atau kerjasama antara UTeM dan media telah terjalin erat lantas mewujudkan satu hubungan baik.** Senario ini merupakan satu petanda positif yang membuahkan hasil yang bermanfaat untuk semua.
8. **Pihak media telah menjalankan peranan agresif dan meluas dalam melebarkan publisiti UTeM di seluruh pelusuk rantau Malaysia malahan melangkaui garisan sempadan hingga melingkari peringkat dunia.** Dengan itu

6

maka masyarakat umum terus mengenali UTeM selaku teraju utama universiti teknikal terulung dalam negara malahan dikenali dunia.

9. Boleh dikatakan **berita-berita UTeM sentiasa di paparan dada-dada akhbar tempatan dan arus perdana hampir setiap hari**, disamping itu **kerapkali kedengaran berita UTeM menerusi radio** termasuklah **di kaca televisyen menerusi saluran berita dan program-program semasa**.
10. Untuk makluman bersama jumlah keratan paparan berita UTeM di dalam akhbar telah **menunjukkan peningkatan mendadak bermula dari tahun 2009 hingga ke tahun 2011 ini**. Jumlah keratan akhbar UTeM pada tahun **2009 berjumlah sebanyak 633 keratan** meningkat kepada **768 keratan pada tahun 2010** manakala **mencecah angka ke 1000 keratan pada tahun 2011 ini**.

7

11. Statistik peningkatan paparan berita dan publisiti UTeM turut menunjukkan peningkatan drastik **bagi saluran media elektronik seperti radio dan televisyen** dari tahun 2009 hingga ke tahun ini.

Hadirin yang diraikan

(v) **Kerjasama UTeM dan Pihak Media**

12. Saya melahirkan rasa gembira dan terima kasih kepada pihak media di atas **kredibiliti, sumbangan dan komitmen yang berterusan dalam memaparkan publisiti UTeM** sepanjang masa dan ketika.
13. Menyedari perkara ini maka pihak **UTeM acapkali mengadakan majlis dan kerjasama bersama pihak media**

8

dalam beberapa program yang tercatat dalam diari universiti. Antaranya ialah program pada malam ini **Majlis Penghargaan dan Meraikan Pihak Media Massa, Fun Bowl UTeM bersama Media manakala aktiviti sebelum ini seperti Program Makan Durian Bersama Media, Malam Puisi Riong UTeM bersama Berita Harian, Program Skor A UTeM-Berita Harian** dan banyak lagi.

14. Sehubungan itu, **pihak UTeM turut merancang dan akan mengadakan beberapa program lagi bersama pihak media berunsurkan kemasyarakatan dan kesukanan** di masa akan datang agar **yang jauh kita dekatkan, yang dekat kita mesrakan, yang mesra kita kekalkan.**

Hadirin sekalian,

(vi) **Ucapan Penghargaan & Penutup**

9

15. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada usaha pihak Pejabat Perancangan & komunikasi Korporat di atas penganjuran majlis ini bagi tahun 2011. Ini menggambarkan betapa kesungguhan UTeM dalam **menghargai dan menyampaikan rasa terima kasih** di atas **sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak media** sekalian.

16. Sekalung penghargaan diucapkan juga kepada semua pihak media massa. Semoga pihak media akan berterusan menyokong dan memberi kerjasama bersepadu dalam meneruskan agenda liputan untuk UTeM dalam paparan media cetak dan media elektronik. Jasa baik dan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan akan terus dikenang dan bersemadi dalam rentetan sejarah UTeM.

10

17. Mengakhiri ucapan ini, saya bacakan dua rangkap pantun :

Pantun 1

**Berhijrah ke kota di usia belasan
Keluhan perantau terkenang desa permai
Liputan Media UTeM disiarkan berterusan
UTeM tersohor terus dikenali ramai**

Pantun 2

**Indah pemandangan di Pantai Kelebang
Ramai sungguh pengunjung yang datang
UTeM dan Media diibaratkan adik dan abang**

11

Ikatan teguh berterusan di masa mendatang

18. Sekali lagi saya merakamkan jutaan penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan atas kesudian menjayakan dan memeriahkan Majlis Penghargaan dan Meraikan Pihak Media Massa.

Sekian, ***wabillahi taufiq walhidayah, wssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.***

Disediakan oleh : Pejabat Perancangan & komunikasi Korporat

12

